

19 MAY 2002

Ling-Merit/I

MCA PERLUKAN MAKLUMAT LANJUT TENTANG SISTEM MERIT

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata parti politik kedua terbesar di Malaysia itu memerlukan lebih banyak fakta tentang sistem merit yang digunakan bagi pengambilan pelajar ke universiti tempatan sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya.

Katanya MCA ingin mendapatkan maklumat mengenai sistem itu seperti jumlah pelajar yang menuntut di universiti tempatan dan kriteria yang digunakan oleh kerajaan dalam pengambilan pelajar.

"Kami perlukan lebih banyak maklumat terlebih dahulu, berapa ramai yang telah mengikuti sistem matrikulasi, berapa ramai yang sudah pergi ke swasta (kolej), kemudian barulah kami boleh putuskan," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian perhimpunan agung MIC ke-56 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ling berkata demikian apabila ditanya pemberita tentang pendapat MCA berhubung pelaksanaan sistem merit yang menyaksikan kemerosotan jumlah pelajar Cina dan India yang diterima melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi kerajaan.

"Soalnya ialah, sungguhpun kita semua menyokong sistem merit, berlaku kemerosotan dalam jumlah pelajar Cina dan India yang memasuki universiti, kita ingin tahu kenapa," kata Dr Ling.

Menteri Pengangkutan itu juga dilihat mengadakan pertemuan selama 15 minit dengan Dr Mahathir selepas Perdana Menteri mengadakan sidang medianya.

Ketika ditemui pemberita selepas pertemuan itu, Dr Ling berkata mereka berbincang tentang hal biasa kementerian sebelum Perdana Menteri berlepas untuk melakukan lawatan rasmi ke Jepun dan Korea Selatan esok.

"Ia berkaitan perkara-perkara kementerian, perbincangan biasa," katanya.

-- BERNAMA

AT AT SP RON